



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM.



LPJ/IP/OPS/24JLD2(79)

26 JUN 2016

NOTIS PELABUHAN BIL. 45 / 2016

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (LPJ)

Kepada : SYARIKAT PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN (HAULIER).

Perkara : PELAKSANAAN PORT TRAFFIC MONITORING SYSTEM (PTMS) DAN PENETAPAN PENGGUNAAN GPS (GSM) PADA LORI BERMUATAN KONTENA DI PELABUHAN (PELABUHAN JOHOR-JPB DAN PELABUHAN TANJUNG PELEPAS-PTP).

Tarikh Berkuat kuasa : 01 Januari 2017.

Perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, LPJ akan melaksanakan *Port Traffic Monitoring System (PTMS)* dengan tujuan untuk memantau trafik di dalam kawasan pelabuhan khususnya yang melibatkan operasi terminal kontena di Pelabuhan Johor Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas. *PTMS* ini akan mula berkuat kuasa pada **01 Januari 2017.**

3. Sehubungan dengan pelaksanaan *PTMS*, semua syarikat pengangkutan (*haulier*) yang beroperasi di Pelabuhan Johor dan PTP hendaklah berdaftar dengan LPJ. Pendaftaran boleh dilakukan secara atas talian (*online*) di www.lpjpcs.gov.my.

4. Pelaksanaan *PTMS* ini, menghendaki semua lori pengangkutan kontena yang beroperasi di Pelabuhan Johor dan PTP dipasang dengan alat *GPS* untuk memastikan data pergerakan kontena dapat dilihat dan dikongsi kepada sistem *PTMS*.

5. Sukacita dimaklumkan, dalam tempoh terhad sehingga 30 November 2016, LPJ akan menanggung caj pemasangan dan yuran langganan bagi tempoh 6 bulan bermula daripada tarikh pemasangan dibuat. Tawaran ini adalah terhad berasaskan kepada '*first come first serve basis*' dan akan tamat pada tarikh 30 November 2016. Pertanyaan dan urusan pemasangan alat melalui LPJ boleh dikemukakan kepada En. Ezat Iskandar bin Monzani melalui e-mel iskandar@lpj.gov.my atau melalui telefon 07-2534000 sambungan 4058.

| | | |
|---------------------------------------|---|--|
| IBU PEJABAT (PASIR GUDANG) | : | 07-253 4000 (TEL.) 07-251 7684 (FAKS) |
| PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS) | : | 07-507 1978 (TEL.) 07-5071976 (FAKS) |
| TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA | : | 02-6545 3230 (TEL.) 02-6545 3231 (FAKS) |
| LAMAN WEB | : | http: www.lpj.gov.my email : admin@lpj.gov.my |

6. Bagi lori-lori yang telah dilengkapi dengan alat *GPS*, data pergerakan lori dari *GPS* hendaklah dihantar untuk diintegrasikan dengan *PTMS* LPJ. Bagi tujuan ini, pihak *haulier* yang terlibat hendaklah melengkapkan borang di **lampiran 1**.

7. Maklumat di perenggan 6 di atas hendaklah dihantar sebelum **31 Ogos 2016** dan dikemukakan kepada En. Mohd Fitri bin Mohd Rom melalui e-mel fitri@lpj.gov.my atau hubungi 07-2534000 sambungan 4091.

8. Mulai **1 Januari 2017**, lori-lori kontena yang beroperasi di Pelabuhan Johor dan PTP hendaklah berdaftar dan dipasang dengan alat *GPS* dan diintegrasikan dengan *PTMS* LPJ bagi mengelakkan sebarang permasalahan yang timbul.

Sekian, terima kasih.

PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN

Yang benar



MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD

Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Johor



BORANG MAKLUMAT SYARIKAT PENGANGKUTAN (HAULIER).

| | |
|----|---|
| 1. | Nama syarikat: |
| 2. | Alamat penuh syarikat: Nombor telefon: Nombor faks: Nama pegawai untuk dihubungi : E-mel: |
| 3. | Nama dan alamat penuh syarikat yang <u>membekalkan</u> GPS. Nombor telefon: Nombor faks: Nama pegawai untuk dihubungi : E-mel: |
| 4. | Senarai lori dan nombor pendaftaran: i. ii. iii. iv. v. vi. vii. viii. ix. x. |

** Sila kemukakan lampiran tambahan sekiranya ruang di no. 4 tidak mencukupi.